

21 SEP 2002

RAFIDAH-BAJET 2003

BELANJAWAN UNTUK MENGUKUHKAN EKONOMI NEGARA, KATA RAFIDAH

BEAUFORT, 21 Sept (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz menyifatkan Bajet 2003 yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen semalam bukan sahaja mesra-rakyat tetapi satu belanjawan untuk mengukuhkan ketahanan negara.

Menurut Rafidah, tumpuan bukan sahaja diberi kepada sektor ekonomi, industri dan perdagangan malahan juga kepada sektor-sektor penting yang lain seperti pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi serta sektor sosial.

Selain itu, belanjawan kali ini turut memberi kekuatan kepada badan bukan kerajaan untuk membantu mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat dan meningkatkan semangat kebangsaan, katanya.

"Kerajaan juga memberi lebih ruang kepada rakyat untuk mendapatkan lebih pendapatan yang boleh menjadi perbelanjaan untuk menggerakkan ekonomi melalui pembayaran bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200," katanya ketika ditemui pemberita di Binsulok Resort, kira-kira 30 km dari sini, hari ini.

Terdahulu Rafidah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno merasmikan acara Gerak Mesra Wanita Umno Beaufort.

Rafidah berkata: "Ketahanan negara akan wujud apabila sektor swasta sendiri berupaya meningkatkan pengeluaran dan mengeksport keluaran mereka...dengan jangkauan belanjawan yang menyeluruh kali ini, ia diharap dapat meningkatkan ketahanan negara hadapi apa-apa juga cabaran ekonomi pada masa hadapan."

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan kerana telah menerima hampir semua saranan yang dikemukakan kementeriannya.

"Cadangan itu telah diterima kerana ia adalah realistik, dapat mengurangkan kos perniagaan serta mampu menjana prestasi industri kecil dan sederhana dan meningkatkan kapasiti mereka untuk mengeksport," katanya.

Mengenai cadangan untuk menjadikan Labuan sebagai pusat pendaftaran kapal antarabangsa, Rafidah berkata ia sesuatu yang tepat pada masanya.

"Ini akan menjadikan Labuan sebagai pusat perkapalan antarabangsa. Ini satu perkembangan yang sememangnya dapat dijangka untuk Labuan. Saya pasti kerajaan akan menyediakan infrastruktur yang tertentu untuk menjadikan Labuan sebagai pusat perkapalan antarabangsa," tambah beliau. -- BERNAMA

JS ZK